

## **'Caj tersebut tidak masuk akal'**

Penduduk kecewa dengan kadar cukai taksiran terbaru MDKL

NURUL FIRDAUS KHAINI

KUALA LANGAT - Beberapa penduduk di Daerah Kuala Langat tampil melaungkan rasa tidak berpuas hati mengenai kadar baharu caj cukai taksiran Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi tahun 2018.

Seorang penduduk, Ahmad Zaidi Samsudin, 44, dari Taman Pahlawan turut mengaku caj cukai taksiran yang diterima turut menarik kenaikan sehingga RM95.70 berbanding anggaran RM60 tahun lalu.

Menurutnya, beliau kecewa dengan caj piutang yang dikenakan oleh MDKL semakin tinggi sedangkan penyelenggaraan dilakukan

• Beberapa penduduk di Daerah Kuala Langat tampil meluahkan rasa tidak berpuas hati mengenai kadar baharu caj cukai taksiran MDKL bagi tahun 2018

tidak sempurna.

"Bagi saya kenaikan tinggi tetapi kerja tak buat, jangan jadikan ini sebagai cara membebani rakyat," katanya kepada pemberita di Taman Pahlawan, semalam.

Ahmad Zaidi antara penduduk Selangor yang terjeput dengan kadar caj itu turut mempertikai slogan pe-



JEFRIZAL

duli rakyat kerajaan yang dilau-lauangkan.

Katanya, istu kadar caj piutang MDKL yang tular di media sosial itu mungkin turut menjasakan ramai lagi penduduk di daerah ini.

Seorang lagi penduduk, Abdul Talib Jali berkata, beliau mengaku selesa dia maffenakan status mengenai caj cukai taksiran yang dilakukannya tinggi di laman sosial Facebook pelbagai pihak turut menyatakan ramai lagi penduduk yang berpendapat rendah terpaksa berdepan dengan masalah yang sama.

Menurutnya, dia bukan sengaja memberi masalah kepada mana-mana pihak tetapi mahu penjelasan mengapa caj yang sebelum ini hanya RM52.80 untuk tempoh Januari hingga Jun



Sebahagian penduduk yang berdepan dengan kadar caj yang tinggi.

2017 tetapi kini sudah mencapai RM508.40 setahun.

"Jumlah ini, nampak tidak munasabah selain kadar 11 peratus caj turut dikenakan. Bagaimana dengan penduduk yang berpendapatan rendah terpaksa berdepan dengan masalah yang sama."

"Caj tersebut tidak masuk akal memandangkan kawasan Telok Panglima Garang pada saat ketika dahulu kawasan perkampungan biasa," katanya.

Sementara itu, Mohd Jefrizal Jaafar berkata, runutgan penduduk berkenaan sebenarnya perlu diambil peluang memandangkan caj yang ditunjukkan nampak

kenaikan yang ketara.

Katanya, apabila beliau sendiri meneliti beberapa taman di kawasan tersebut memang berlaku kenaikan.

"Saya maklum ia banyak menjasakan rakyat secara langsung walaupun caj yang tinggi dikemaskini jarang dihadapi oleh penduduk. Bagi saya mengulas mengenai caj boleh berlaku, adapakah disebabkan negeri yang maju," katanya.

Mohd Jefrizal berkata, dengan kenaikan caj yang tinggi ini juga menyebabkan penduduk berdepan dengan penyelenggaraan sampaht yang tidak bersistematis dan tidak setanding dengan bayaran

cukai.

Katanya, beliau mahu perkara yang tular di laman sosial Facebook itu menjadi kesedaran rakyat mengenai caj yang dikenakan.

"Saya yakin penduduk yang berdepan dengan kenaikan harga ini sebenarnya tidak tahan dengan keadaan itu," katanya mengulas mengenai notis pindahan nilai cukai yang tular di laman sosial Facebook.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Persatuan Penduduk (IPP) Zon 4 Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah.



Perbezaan kadar cukai tahun 2017 dan 2018.

### Bantahan perlu dibuat secara bertulis

SEMENTARA itu, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menasihati pemilik harta yang berdepan kenaikan cukai taksiran supaya tampil untuk mendapatkan maklumat lanjut tanpa menarik sebarang maklumat yang tidak tepat di laman Facebook.

Timbalan Yang Dipertua MDKL Mohd Yasin Alwi berkata, pelbagai prosedur telah dilakukan di atas tanah asal selain nilaian semula dan kiraan formula terakhir ketika caj taksiran itu meningkat.

Menurutnya, mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) seksyen 142, pemilik harta bercukai dibolehkan membuat bantahan terhadap caj yang dikenakan.

"Setiap bantahan perlu dibuat secara bertulis dalam tempoh 10 hari sebelum tarikh memindah semai niagaan dikuatkuasakan. Namun begitu, sehingga tamat tempoh bantahan pada 21 Disember 2014, pihak MDKL tidak menerima se-

barang bantahan secara bertulis daripada pemilik tersebut.

"Sebelum satu-satu pindaan nilai dilakukan, cadangan pindaan nilai akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawangan dan selepas itu akan disahkan di dalam Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat," katanya sebagai respons terhadap dakwaan beberapa di Facebook mengenai notis pindahan nilai cukai taksiran di Telok Panglima Garang didakwa meningkat.

Jelasnya untuk kes yang tular itu, lot subjek yang merupakan tanah kosong rumah pengadu itu berkeluasan 563 meter persegi atau 6,060 kaki persegi telah dikenakan Cukai Taksiran sebanyak RM250.80 setahun yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015.

"Selanjutnya, pada tarikh 21 Jun 2017, Sijil Pematuhan dan Perakuan Siap (CC) telah dikeluarkan oleh arkitek yang berdaftar dengan

Lembaga Arkitek Malaysia Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan telah memperuntukkan jika oleh sebab "apa-apa bangunan didirikan, diubahsuai, diubah, diruntuhkan atau dibina semula atau lain-lain kemajuan dibuat pada sesuatu pegangan berkadar, nilainya te-

lah dinatakan?" maka pindahan hendaklah dibuat ke atas Senarai Nilai.

"Bagi memastikan dengan lebih tepat, pada 5 September 2017, pihak MDKL telah melakukan semakan di tapak dilakukan dan Notis Pindaan kepada Senarai Nilaian telah dilakukan ke alamat pemilik dan malangnya, sehingga 21 Disember 2017 iaitu tarikh akhir melakukan sebarang bantahan, pihak MDKL tidak

menerima apa-apa bantahan daripada pemilik.

"MDKL telah mengenakan Nilai Tahanan berdasarkan bangunan tersebut sebanyak RM9,600 dengan kadar Cukai Taksiran 11 peratus. Lot subjek adalah rumah dua tingkat berkeluasan 401.25 meter perse-

gi atau 4,319.01 kaki persegi telah dikenakan Cukai Taksiran sebanyak RM1056 setahun yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018," katanya.

Mohd Yasin berkata, pihaknya turut tidak menerima sebarang bantahan malah dakwaan bahawa notis tidak diterima dalam masa ditetapkan juga perlu disemak semula.

Katanya, ia adalah tanggungan-

wab pemilik hartanah mengemas kini alamat surat menyurat mereka.

"Namun kita bersedia untuk bersama persatuan penduduk untuk memberi maklumat dan mereka boleh bertanya terus kepada kami kerana pihak kami perlu melihat sesuatu kes," katanya yang berharap isu ini tidak lagi ditularkan.

Namun katanya, Kerajaan Negeri Selangor dan MDKL tidak mengenakan sebarang bayaran cukai taksiran bermula daripada tahun 2016 hingga kini ke atas kedieman kos rendah dan rumah kampung.

"Selain itu juga, penaja kecil turut tidak dipungutkan apabila mereka ini tidak dikenakan sebarang lesen perniagaan. Penaja kecil ini hanya dikenakan bayaran proses sebanyak RM10.00 sahaja. Untuk makluman juga, aras nilai MDKL adalah aras nilai tahun 1987 dan sehingga kini tiada kenaikan cukai," katanya.



MOHD YASIN

